

22 AUG 2003

Abdullah-Beras

NEGARA JIRAN TIDAK BOLEH DISALAHKAN DALAM ISU PENYELUDUPAN BERAS

- TPM

TEMERLOH, 22 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri berkata negara jiran, khususnya Thailand, tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya berhubung isu penyeludupan beras kerana adalah mustahil untuk mereka memantau aliran pengeluaran beras di sana.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beras yang merupakan eksport utama Thailand boleh didapati dengan begitu mudah dalam jumlah yang banyak di negara itu, selagi gus memungkinkan penyeludupan berlaku dengan berleluasa.

Sukar bagi pihak berkuasa Thailand menentukan sama ada beras yang akan dibawa keluar itu mempunyai permit atau tidak kerana pengeksportan bahan mentah itu dilakukan berulang kali setiap hari, katanya pada pemberita selepas merasmikan projek perumahan rakyat di Kampung Pamah Kaseh di sini hari ini.

"Kita tidak boleh salahkan mereka (Thailand) seratus-peratus dalam hal ini kerana mereka cuma mahu mengeksport beras. Itulah produk utama mereka, dan ia (pengeksportan beras) dilakukan setiap hari.

"Sudah tentu pihak berkuasa Thailand tidak akan bertanya sama ada beras itu mempunyai permit atau tidak jika hampir semua orang membawa keluar barang yang sama," kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri.

Abdullah berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita mengenai tindakan negara jiran yang seolah-olah bersikap lepas tangan dalam isu penyeludupan beras yang semakin membimbangkan.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan merangka beberapa strategi bagi membanteras penyeludupan beras yang semakin berleluasa pada masa ini.

Dr Mahathir berkata jika kegiatan itu tidak dibanteras, ia akan menyebabkan beras tempatan tidak dapat dijual dan mengancam industri beras tempatan yang akhirnya menjejaskan pendapatan para petani.

Abdullah berkata kerajaan akan meminta Kementerian Pertanian bekerjasama dengan kerajaan Thailand untuk segera mengatasi perkara itu sebelum ianya berlarutan dan menimbulkan pelbagai implikasi lain.

"Benda ini dah jadi, dan sebelum ia bertambah buruk kita akan meminta kerajaan Thailand untuk berbuat suatu. Kita akan meminta Kementerian Pertanian urus perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

SOP HK RHM